



## UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

Universiti Teknologi MARA dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan tetap di Kampus Shah Alam dan Cawangan bagi memenuhi Wawasan 2020 Negara.

### I. JAWATAN

BIL	JAWATAN	GRED	SKIM PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI			
1	JURURAWAT PERGIGIAN	U29	Jururawat Pergigian	P1T1	RM1160.69	-	P1T27 RM3057.39
				P2T1	RM1231.78	-	P2T27 RM3279.74
				P3T1	RM1305.89	-	P3T27 RM3476.28
2	JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN	U29	Juruteknologi Pergigian	P1T1	RM1160.69	-	P1T27 RM3057.39
				P2T1	RM1231.78	-	P2T27 RM3279.74
				P3T1	RM1305.89	-	P3T27 RM3476.28

### II. SYARAT LANTIKAN

#### 1) JURURAWAT PERGIGIAN (GRED U29)

- (a) Diploma Kejururawatan Pergigian daripada Sekolah Latihan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan.

#### Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Jururawat Pergigian Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas.

#### 2) JURUTEKNOLOGI PERGIGIAN (GRED U29)

- (a) Diploma Teknologi Pergigian daripada Sekolah Latihan Pergigian Kementerian Kesihatan Malaysia yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf oleh Kerajaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.

(Gaji permulaan ialah pada Gred U29: P1T6);

DAN

- (b) lulus Bahasa Malaysia/Bahasa Melayu (termasuk lulus Ujian Lisan) pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

### **Syarat Kenaikan Pangkat Secara Lantikan**

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Pembantu Pembedahan Pergigian adalah layak dipertimbang oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk kenaikan pangkat secara lantikan ke jawatan Juruteknologi Pergigian Gred U29, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:-

- (a) mempunyai kelayakan di perenggan (a) di atas.

### **UMUR**

- a. Calon-calon lantikan terus hendaklah berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan.
- b. Calon-calon kenaikan pangkat secara lantikan hendaklah berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan.

### **IV. PERHATIAN KEPADA PEMOHON**

- a. Permohonan dari mereka yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau Badan-Badan Berkanun mestilah melalui Ketua Jabatan dengan menyertakan sesalinan rekod kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini berserta dengan borang permohonan secara ‘online’ yang telah dicetak.
- b. Hanya permohonan yang ditapis-senarai akan dipanggil untuk temuduga.
- c. Pemohon-pemohon mestilah bersedia untuk berkhidmat di kampus-kampus cawangan.
- d. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan selepas **tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya.

### **V. CARA-CARA MEMBUAT PERMOHONAN**

#### **a. Untuk Bukan Staf UiTM**

Permohonan hendaklah dibuat dengan melayari laman web UiTM di <http://apps.uitm.edu.my/epengambilanstaf/> dan membuat permohonan secara atas talian (“ON-LINE”) sahaja dengan mengisikan maklumat yang diperlukan.

#### **b. Untuk Staf UiTM sahaja**

Permohonan dari **Staf UiTM berstatus tetap/kontrak/semestara** di mana perlantikan dibuat melalui Bahagian Pengurusan Perjawatan UiTM, hendaklah dibuat melalui sistem aplikasi atas talian (“ON-LINE”) melalui bnPortal I-Staf -> eProses & Sistem Sokongan -> ePengambilan Staf.

Tarikh tutup permohonan ialah pada hari **Jumaat, 10 Oktober 2008**.



**UNIVERSITI  
TEKNOLOGI  
MARA**

BAHAGIAN PENGURUSAN PERJAWATAN  
PEJABAT PENDAFTAR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
40450 SHAH ALAM  
SELANGOR DARUL EHSAN  
NO.TEL: (03) 5544 3089/3090/3092/3093  
(03) 55211613  
EMAIL: [perjawatan@salam.uitm.edu.my](mailto:perjawatan@salam.uitm.edu.my)

Iklan Jawatan Pentadbiran/azura/09/09/2008